



DATUK Seri Dr Mahathir masuk ke dewan untuk merasmikan kongres di Kuala Lumpur semalam. Mengiringinya di kiri ialah Timbalan Menteri Kewangan, Encik Saboruddin Chik. — Gambar Berita Harian.

Dr M tegur sikap golongan profesional

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap sebilangan ahli profesional yang mementingkan diri sendiri dan kedudukan profesional mereka tanpa menghiraukan aduan orang ramai.

Perdana Menteri kemudian mengesahkan institusi-institusi profesional di negara ini supaya menasihatkan ahli-ahlinya untuk mengambil perhatian berat terhadap segala aduan dan masalah orang ramai.

"Tidak ada masyarakat yang dapat mencapai kemakmuran tanpa mengikut etika kerja yang baik dan mengamalkan kod etika secara jujur," nasihatnya kepada ahli-ahli profesional itu.

Katanya, ahli-ahli profesional yang bekerja dengan kerajaan dan swasta perlu lebih peka terhadap bidang kerja mereka yang sering dicurigai orang ramai disebabkan mereka adalah "kesatuan sekerja yang tertutup".

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Kongres Pan Pasifik ke-12 Pentakair, Pentaid dan Penasihat Harta Tanah selama enam hari di sini.

Kongres itu dihadiri oleh lebih 500 peserta dari Filipina, Singapura, Jepun, New Zealand, Korea Selatan, Australia, Kanada, Hong Kong, Fiji dan Malaysia selaku tuan rumah.

Perdana Menteri berkata, tugas ahli-ahli profesional penting untuk mencorak-warnakan kehidupan masyarakat

sebuah negara. "Tapi saya kesal kerana masih ada segelintir mereka yang tidak memberikan perkhidmatan yang cekap kepada orang ramai," tegasnya.

Kerajaan, katanya, sentiasa berusaha untuk melahirkan ahli-ahli profesional yang boleh memberi sumbangan berguna kepada negara.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Institut Teknologi Mara (ITM) ada menyediakan kursus ijazah dan diploma di bidang penilaian dan pengurusan harta untuk melahirkan ahli profesional terlatih, katanya.

Hasil

Kerajaan juga membubuhkan Institut Penyelidikan dan Latihan Penilaian di Bangi untuk menyediakan latihan dalam pekerjaan untuk keperluan Jabatan-Jabatan Penilaian selain Pejabat-Pejabat Tanah dan pihak berkuasa tempatan di seluruh negara, katanya.

Beliau berharap, institut itu dapat diperbesar dengan kerjasama sektor swasta di bawah konsep Persyarikatan Malaysia.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia adalah sebuah negara bertanah yang luas dengan penduduk yang tidak begitu ramai berbanding Singapura dan Hong Kong.

Katanya, kerajaan akan terus meninggikan mutu kehidupan rakyat berdasarkan sumber-sumber alam yang ada.

Selain itu, katanya, sebahagian hutan yang mengeluarkan balak terpaksa dibersihkan untuk menanam pokok getah dan kelapa sawit atau melombong bijih.

Ini sahaja salah satu cara kerajaan untuk mendapatkan hasil dan dunia tidak harus melarang jika negara berbuat begitu, katanya.

No. Siri 5891
No. Penerimaan 208/86

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia